

BN terima kekalahan di Lu

Oleh Nadzim Ahmad Jamalludin dan Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Rabu – Barisan Nasional (BN) menerima kekalahan calonnya dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah kawasan Lunas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, berkata beliau kecewa dengan kekalahan itu, tetapi BN bertekad untuk memperbaiki keadaan pada masa depan.

“Keputusan itu kita terima. Apa sebabnya kita tak tahu lagi... kena tengok kemudianlah. Kita kena kaji dulu.

“Perasaan saya kecewa kerana kalah dan saya tak tau apa sebabnya lagi,” katanya kepada pemberita selepas terbuka puasa dan mengerjakan sembahyang tarawih bersama kira-kira 450 anggota tentera pelbagai pangkat di Masjid Khalid Ibnu Al-Walid di Jalan Padang Tembak dekat sini, malam tadi.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan perjumpaan dan sesi dialog dengan anggota terbabit di Auditorium Wisma Pertahanan.

Dr Mahathir berkata, beliau telahpun dimaklumkan mengenai keputusan pilihan raya kecil itu yang dimenangi calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Saifuddin Nasution Ismail dengan majoriti 530 undi.

Saifuddin, 36, memperoleh 10,511 undi manakala calon BN, S Anthonysamy, 59, mendapat 9,981 undi. Seorang lagi calon, N Letchumanan (Bebas), 46, hanya mendapat 50 undi dan hilang wang pertaruhan.

BH 30 NOV 2000

“Kita akan membuat kajian yang mendalam apa sebenarnya berlaku. Kita tak seharusnya menunding jari, terburu-buru dan bersikap seolah-olah berada dalam kecemasan”

– Dr Mahathir Mohamad

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, juga berkata Umno menerima keputusan itu walaupun merasakan masa depan pengundi di kawasan itu lebih terjamin di bawah BN.

“Kita akan membuat kajian yang mendalam apa sebenarnya berlaku. Kita tak seharusnya menunding jari, terburu-buru dan bersikap seolah-olah berada dalam kecemasan.

“Kita patut meletakkan ini dalam perspektif satu pilihan raya kecil di mana dalam sejarah kita, kita pernah kalah dalam pilihan raya kecil tetapi lepas itu keadaan kita pulih dan kembali dengan kekuatan yang baru.

“Saya harap ini akan berlaku dan minta semua anggota parti supaya bekerja keras dan menyusun semula jentera di semua peringkat supaya dapat menebus semula kedudukan kita,” katanya.

Ditanya sama ada kekalahan itu membawa sebarang petanda, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata: “Kita tidak boleh membuat implikasi nasional. Ini apa yang berlaku di kawasan Lunas”.

Sementara itu, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Shafie Apdal, berkata jentera parti harus diperkuatkan dan bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, keputusan di Lunas menunjukkan pengundi di kawasan itu dipengaruhi isu agama dan perkauman.

“Kita berharap keadaan ini (isu agama dan perkauman) tidak berterusan. Yang penting kepada kita ialah perpaduan semua kaum, bukan memilih suku kaum tertentu.

“Semua kaum dapat memberi sumbangan... tak kira Melayu, Cina atau India. Harus ada perpaduan yang begitu mantap di kalangan semua kaum,” katanya.

Sementara itu, Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu berkata MIC menerima keputusan pengundi Lunas.

“Kita akan terus berjuang,” kata Menteri Kerja Raya itu ketika dihubungi Bernama di Kulim, malam ini.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, menyifatkan kekalahan Bari-

san Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas sebagai satu daripada proses demokrasi yang subur di negara ini.

“Walaupun kita kalah, undi yang diterima calon BN adalah banyak dan menunjukkan kerajaan masih menerima sokongan rakyat,” katanya ketika ditemui selepas pengumuman keputusan pilihan raya itu malam ini.

Calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Saifudin Nasution Ismail memperoleh 10,511 undi mengalahkan S Anthonysamy (9,981 undi) dan calon Bebas, N Letchumanan (50 undi).

Berikutan kekalahan itu, DUN Kedah kehilangan majoriti dua pertiga. Dua belas daripada 36 kerusi DUN sebelum ini dimenangi Pas.

Menteri Besar juga berkata BN akan membuat ‘bedah siasat’ untuk mengenal pasti punca kekalahan dan memperbetulkan kesilapan bagi merampas semula kerusi itu pada pilihan raya akan datang.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, pula berkata BN perlu memantau isu agama dan perkauman yang dimainkan pembangkang sepanjang kempen pilihan raya itu.

“Ini adalah aliran yang bahaya untuk masa depan negara kalau undi dipengaruhi oleh sentimen perkauman dan agama,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, kekalahan itu juga perlu

dijadikan pengajaran kepada BN untuk memperkemaskan lagi jentera pilihan rayanya pada masa depan.

"Kita perlu kemaskan jentera (parti)... jentera BN cukup lemah, isu perkauman dan agama juga tidak boleh dibesarkan kerana ia boleh memecahbelah-

kan negara," katanya.

Mengenai sokongan masyarakat Cina, Abdul Kadir berkata sejak awal mereka dilihat tidak menyokong kerajaan.

Pengerusi MIC Kedah, Datuk V Saravanan, pula berkata kemenangan Kea-dilan disumbang oleh isu

perkauman, agama dan taktik mengugut yang dimainkan ketika berkempen.

"Mereka juga menahan penyokong kita daripada mamasuki Lunas, padahal mereka juga membawa beribu-ribu penyokong ke sini... kita juga boleh me-

nuduh mereka membawa pengundi hantu," katanya.

Bagaimanapun, katanya, MIC menerima kekalahan itu atas dasar demokrasi dan berazam berusaha keras memenangi kerusi DUN Lunas semula pada pilihan raya akan datang.